



Kepada yang Berkenaan:

Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan (PEPC) / Jurutera Profesional (PE) /
Pemeriksa Bertauliah (AC) / Pemeriksa Tapak (IOW) dan
Syarikat Pemilik Tunggal / Perkongsian / Pertubuhan Perbadanan / Multi Disiplin

NOTIS PEMBAHARUAN PENDAFTARAN TAHUN 2025

Am:

Dengan hormatnya dimaklumkan pendaftaran individu dan Syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan (ECP) tuan/puan untuk tahun **2024** akan tamat pada **31/12/2024**.

Pembaharuan pendaftaran dan pengemukaan jam CPD **SECARA ATAS TALIAN** menerusi *MyBEM Online Registration System* (<https://engineer.org.my>) telah **dikuatkuasakan SEPENUHNYA** sejak tahun 2020. Pembaharuan pendaftaran dan bayaran secara **MANUAL TIDAK DIBENARKAN**. Sijil pembaharuan pendaftaran dikeluarkan secara digital melalui sistem MyBEM dan boleh dimuat turun pada bila-bila masa.

Syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan (ECP):

Bagi Syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan (ECP) yang telah membuat perubahan pada struktur pengarah atau pegangan sahamnya tetapi masih belum mengemaskinikan rekodnya dengan LJM, sila berbuat demikian secara atas talian dengan kadar segera.

Kegagalan tuan/puan untuk mengemaskinikan rekod pendaftaran ECP akan menyebabkan kesukaran ketika memperbaharui pendaftaran ECP untuk tahun 2025 kelak. Untuk bantuan lanjut/kemusykilan, sila salurkan pertanyaan tuan/puan kepada sekretariat di ecp@bem.org.my

Pembangunan Profesional Berterusan (CPD):

1. Penyerahan Rekod CPD 2024

Selaras dengan Pekeliling LJM 002 mengenai Keperluan Pembangunan Profesional Berterusan (CPD), keperluan CPD untuk tempoh tiga tahun (2022, 2023, dan 2024) adalah seperti berikut:

PEPC Berdaftar: Purata tahunan sebanyak 50 Jam CPD dengan kumpulan sekurang-kurangnya 150 Jam CPD selama tiga (3) tahun berturut-turut.

PE Berdaftar: Purata tahunan sebanyak 25 Jam CPD dengan kumpulan sekurang-kurangnya 75 Jam CPD selama tiga (3) tahun berturut-turut.

IOW Berdaftar: Jumlah sebanyak 30 jam CPD yang perlu diperoleh selama setiap tiga (3) tahun.

2. Keperluan CPD Bagi PEPC, PE, dan IOW Berumur 65 dan keatas.

PEPC, PE, dan IOW Berdaftar yang berusia 65 tahun dan ke atas dikehendaki memenuhi setengah (1/2) daripada Keperluan CPD seperti berikut:

PEPC Berdaftar: Purata tahunan sebanyak 25 Jam CPD dengan kumpulan sekurang-kurangnya 75 Jam CPD selama tiga (3) tahun berturut-turut.

PE Berdaftar: Purata tahunan sebanyak 13 Jam CPD dengan kumpulan sekurang-kurangnya 39 Jam CPD selama tiga (3) tahun berturut-turut.

IOW Berdaftar: Jumlah sebanyak 15 jam CPD yang perlu diperoleh selama setiap tiga (3) tahun.

3. Keperluan CPD Bagi Pendaftaran Baharu PE, PEPC, dan IOW
Bagi pendaftaran PE, PEPC, dan IOW yang baru diluluskan dalam tahun 2024, keperluan Jam CPD adalah mengikut prorata berdasarkan bulan kelulusan seperti berikut:

Kelulusan Dalam Bulan Januari 2024 hingga Jun 2024:

Bulan Kelulusan	PE	PEPC	IOW
Januari	23	46	10
Februari	21	42	9
Mac	19	38	8
April	17	33	7
Mei	15	29	6
Jun	13	25	5

Kelulusan Dalam Bulan Julai 2024 hingga Disember 2024:

Tiada Jam CPD diperlukan untuk tahun 2024. Walau bagaimanapun, adalah digalakkan merekod sebarang Jam CPD untuk tahun 2024.

SILA AMBIL PERHATIAN:

- 1) **Semua urusan Pembaharuan Pendaftaran dan Rekod CPD melalui faks dan emel tidak akan diterima.**
- 2) **Tarikh Akhir Pembaharuan: 31 JANUARI 2025.**

Adalah menjadi tanggungjawab tuan/puan untuk memperbaharui pendaftaran dengan LJM bagi meneruskan amalan profesion tuan/puan di Malaysia. Kegagalan untuk berbuat demikian membolehkan tindakan di bawah Seksyen 16(b), Akta Pendaftaran Jurutera 1967 diambil ke atas pendaftaran tuan/puan.

*“16. There shall be removed from the Register the name and other particulars of –
(b) any registered Person, other than a Graduate Engineer, Engineering Technologist,
or Engineering consultancy practice who has failed to renew his or its registration
within one month of the expiry of the registration”*

Saya yang menjalankan amanah,


SGD

(Ir. Dr. MEGAT ZUHAIRY BIN MEGAT TAJUDDIN)


Pendaftar

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA


CARA PEMBAHARUAN PENDAFTARAN INDIVIDU (HOW TO RENEW INDIVIDUAL REGISTRATION):



CARA PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SYARIKAT AMALAN PERUNDING KEJURUTERAAN [HOW TO RENEW REGISTRATION FOR ENGINEERING CONSULTANCY PRACTICE]:



CARA MUAT TURUN RESIT ELEKTRONIK PEMBAYARAN [HOW TO DOWNLOAD E-RECEIPT OF PAYMENT]:



CARA MUAT TURUN ELEKTRONIK SIJIL PENDAFTARAN [HOW TO DOWNLOAD E-CERTIFICATE]:

